

06/01/2005

2005 paling sesuai cari penyelesaian politik wang

By Razak Rashid Ghows

TAHUN baru 2005 ini membawa harapan baru bagi sebahagian besar masyarakat di negara ini, walaupun penutupan tirai 2004 membawa bersama sisa-sisa bencana tsunami yang menimpa masyarakat Asia, termasuk mereka di utara Semenanjung.

Bagi kebanyakan orang, setiap kali tiba tahun baru, mereka menaruh harapan yang tinggi bahawa tahun ini akan menjadi lebih baik daripada tahun lalu. Yang baik dijadikan teladan dan yang buruk dijadikan sempadan.

Begitu juga parti politik, termasuk Umno yang turut dilanda dakwaan politik wang pada pemilihan pucuk pimpinan tahun lalu. Menjadi harapan pemimpin Umno dan ahlinya bahawa gejala politik wang ini akan dapat dibendung dan dihapuskan sama sekali menerusi perbincangan yang akan menyusul pada tahun ini dan seterusnya.

Kalau boleh, mereka ingin mencari satu mekanisme yang mantap bagi mengatasi gejala politik wang itu sama sekali kerana terlalu banyak perbincangan yang dilakukan tanpa menemui jalan penyelesaiannya.

Perkara itu banyak diperkatakan sejak pemilihan 1993. Sehingga kini ia masih menjadi perbincangan hangat sama ada pada forum tidak rasmi di kedai kopi, mahupun dalam forum rasmi seperti perhimpunan agung dan Majlis Tertinggi (MT).

Malah, mesyuarat MT Umno bulan lalu juga membincangkan dengan panjang lebar perkara berkenaan pandangan dan maklum balas diberikan oleh sebahagian besar anggota MT berhubung cadangan membawa masuk Badan Pencegah Rasuah (BPR) sebagai langkah terakhir bagi menghapuskan gejala itu.

Perkara berkenaan dijangka terus dibincang sehingga satu keputusan mengenainya dibuat bagi membendung, kalau tidak pun menghapuskan sama sekali gejala itu daripada Umno.

Seorang ahli MT berkata, Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sememangnya serius untuk melihat pemilihan parti bebas daripada politik wang dan pemimpinnya dipilih dari kalangan mereka yang benar-benar ingin menyumbang khidmat kepada parti.

Beliau tidak akan berkompromi dengan sebarang penggunaan wang dalam pemilihan dan perkara itu dijangka perlu ditangani dengan sehalus mungkin bagi memastikan tidak ada calon dalam pemilihan akan datang menggunakan 'kuasa wang' bagi mendapatkan sokongan untuk menang.

Pemilihan lalu berlangsung pada 2004 dan pemilihan berikutnya pada 2007. Pemerhati politik berpendapat tahun ini sesuai bagi Umno membincangkan mengenai mekanisme bagi menghapuskan politik wang itu pada peringkat mesyuarat agung khas sekali lagi, termasuk kemungkinan memperkenalkan satu tata cara pemilihan dan panduan untuk menjadi calon sebagai persediaan menghadapi pemilihan akan datang.

Bekas Presiden Umno, Tun Dr Mahathir Mohamad, juga sebelum ini pernah berkali-kali menyampaikan amanat dan menasihati ahli Umno supaya menjauhkan diri daripada politik wang. Beliau memberi amaran, membaca sajak dan menangis, namun ia tetap berlaku.

Amalan politik wang dikatakan berlaku dengan teruknya pada pemilihan 1993 dan memuncak pada pemilihan September lalu. Bak kata pepatah, rumah siap pahat berbunyi, pemilihan sudah lama selesai dan barisan pemimpin sudah dipilih, sama ada suka atau tidak, merekalah barisan yang akan memimpin Umno bagi tiga tahun akan datang tetapi cakap-cakap mengenai politik wang masih berterusan.

Terlalu banyak kenyataan dibuat berhubung penggunaan wang dalam pemilihan lalu sehinggakan ada pemimpin pada peringkat negeri dengan lantang menyuarakan kemarahan mereka dan mendakwa adanya bukti kononnya orang ini dan orang itu menggunakan wang bagi memenangi jawatan tertentu.

Akhirnya isu politik wang itu dengan sendirinya meletup dan memaksa campur tangan BPR. Pemerhati politik berpendapat mungkin inilah cara yang paling berkesan bagi Umno membendung amalan penggunaan wang bagi membeli undi ketika pemilihan.

Walaupun mungkin sebahagian besar anggota MT mempunyai pandangan peribadi masing-masing berhubung pembabitian BPR, sebagai anggota badan tertinggi Umno, mereka harus menyokong pandangan Presiden Umno yang membuka ruang bagi BPR untuk masuk dan menyiasat sebarang perbuatan rasuah di dalam parti jika ada aduan.

Perkembangan terbaru itu menyebabkan ramai ahli Umno dan masyarakat umum menaruh harapan yang tinggi kepada pembasmian politik wang menjelang pemilihan yang akan datang. Ramai yang ingin melihat tangan ajaib BPR mengatasi masalah berkenaan yang selama ini gagal ditangani dengan berkesan oleh parti itu.

Mereka juga menaruh keyakinan yang tinggi terhadap kepemimpinan yang telus, bersih dan terbuka yang diamalkan Pak Lah bagi menjadikan impian ini satu kenyataan, bagaikan zaman lalu di mana pemimpin tidak perlu merebut jawatan dan membeli undi.

Apa yang berlaku sekarang adalah sebenarnya satu transformasi Umno ke era baru, yang mendesaknya mengubah budaya. Jika amalan membeli undi satu budaya yang diterima oleh ahli dari segenap lapisan pada waktu pemilihan lalu, mulai sekarang ia tidak akan diterima lagi.

Sesiapa saja yang didapati cuba menyogok wang atau memberi sesuatu bagi mendapat undi dalam pemilihan akan dipandang serong oleh ahli lain, itupun dia mungkin bernasib baik kalau tidak ada orang yang mengadu kepada BPR.

Menurut beberapa ahli MT, dalam mesyuarat MT lalu ada anggota yang setuju dan ada yang tidak setuju. Setakat ini tidak ada keputusan muktamad tetapi Pak Lah sememangnya bersikap terbuka dan ingin 'membersihkan' imej Umno daripada gejala politik wang.

Terpulang kepada ahli Umno sendiri menentukan kerana ruang sudah dibuka luas oleh pemimpin atasan. Jika ada bukti, adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk tampil membuat aduan kepada BPR supaya tindakan seterusnya dapat diambil. Jangan sekadar menghebahkan melalui media kononnya ada orang mengamalkan politik wang tetapi kemudian menukar fikiran kerana ingin 'menjaga kedudukan kawan'.

"Kalau takut kawan terkena, balik pada asal, tak payah heboh-heboh mengenai politik wang atau BPR," kata ahli MT, Datuk Shahrir Abdul Samad.

Shahrir juga berpendapat sepatutnya pemilihan Umno pada September lalu tidak ada amalan politik wang kerana semua calon sudah 'dibersihkan' sebelum dibenarkan bertanding. Maknanya, tidak ada sesiapa pun yang mampu mengeluarkan wang dengan begitu banyak untuk tujuan membeli undi. Kalau hendak membeli undi, kena ada wang yang banyak dan bila ada wang yang banyak, tentu ada rasuah.

Selain membenarkan BPR menyiasat jika benar ada perbuatan membeli undi yang mengandungi unsur jenayah, ada pihak berpendapat Umno juga harus mengadakan forum atau program kesedaran mengenai etika dan rasuah sebagai peringatan berterusan.

Pensyarah Program Sains Politik Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latiff, berkata menerusi program seumpama itu, kepemimpinan Umno dari pelbagai peringkat boleh diberikan penekanan mengenai sifat kepemimpinan sebenar menurut Islam.

Katanya, program peringatan mengenai etika dan rasuah itu hendaklah

dijalankan sepanjang masa dan bukan ketika menjelang pemilihan saja dan jika BPR dibenarkan menyiasat kes dalaman parti, ia tidak harus dibayangi oleh mana-mana pemimpin parti dan perlu dilakukan secara bebas.

Umno sendiri hendaklah terlebih dulu menggunakan saluran partinya sebelum membuka pintu kepada BPR. Umno tidak harus terlalu cepat melatah sehingga sanggup 'membuka pekung di dada' yang boleh dieksploit oleh pembangkang.

Prof Datuk Dr Zainal Kling dari Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya (UM) berpendapat, elok juga Umno melihat dulu keupayaan Lembaga Disiplinnya dan mengemas kini badan itu bagi mencari jalan mengatasi masalah penggunaan wang dalam pemilihan.

"Mungkin Lembaga Disiplin tidak ada keupayaan menentukan bagaimana orang membeli undi. Keadaan ini harus dilihat dulu dan diperbetulkan sebab jika dibuka kepada orang luar, ia seolah-olah menggambarkan Umno gagal mendisiplinkan ahlinya," katanya.

Beliau berkata, penggunaan barang sogokan seperti wang, perkhidmatan, melancong dan sebagainya adalah barangan taktik politik dan diterima sebagai antara kaedah untuk mendapat kuasa.

Pensyarah Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi UKM, Zaini Othman, pula berpendapat isu politik wang ini perlu dilihat dari aspek perundangan dan masyarakat serta budaya dan sikap.

Katanya, sebelum ini perkara itu mungkin tidak begitu dihebohkan kerana ahli Umno ingin menyelesaikannya secara tertutup, tetapi Umno kini sudah menjadi perjuangan masyarakat, oleh itu parti bukan saja bertanggungjawab kepada ahli tetapi juga kepada masyarakat.

Katanya, isu yang berkaitan dengan penggunaan wang dalam politik itu harus ditangani dengan teliti seperti 'menarik rambut dalam tepung, rambut tak putus, tepung tidak berkecai', maknanya, perlu ada perubahan secara perlahan-lahan dalam menangani isu berkenaan.

Soalnya sekarang, apakah Umno sudah bersedia untuk menerima BPR bagi menyiasat segala aduan politik wang yang dilemparkan terhadap pemimpin tertentu? Pak Lah memang serius dan sudah jemu dengan masalah penggunaan wang ini, namun rata-rata pemimpin Umno masih berbelah bagi. Ada yang setuju sepenuhnya dan ada yang masih ragu-ragu serta tidak pasti.

Banyak juga pandangan lain yang pernah dikemukakan sebelum ini bertujuan membendung gejala politik wang, antaranya membenarkan bahagian memilih pemimpin pada peringkat MT, berbanding sekarang pemilihan terletak di tangan perwakilan saja, yang memudahkan mereka 'dibeli'.

Cadangan lain termasuk memberi peluang kepada calon berucap di depan perwakilan di Dewan Merdeka bagi memberitahu perwakilan apa yang akan mereka sumbangkan selaku pemimpin jika dipilih memegang jawatan tertentu.

Berdasarkan isi kandungan dan janjinya itulah, perwakilan akan menentukan siapa yang akan mereka pilih. Mereka tidak perlu lagi menawarkan hadiah atau wang, tetapi sekadar menyatakan hasrat untuk menyumbang dan berkhidmat.

Mereka yang terpilih, tetapi gagal melaksanakan janjinya sudah tentunya tidak akan dipercayai dan tidak akan dipilih lagi pada pemilihan tiga tahun kemudian.

Apapun, kesediaan Pak Lah untuk menerima siasatan BPR jika ada aduan adalah satu manifestasi betapa seorang pemimpin berasa perlunya satu tindakan drastik dan segera bagi menangani isu pembelian undi.

(END)